



KENYATAAN MEDIA

LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (29)

PELANJUTAN TEMPOH PAMERAN ASAL TANAH DI BALAI SENI NEGARA

Balai Seni Negara dengan sukacitanya mengumumkan bahawa **Pameran Asal Tanah** yang berlangsung di **Galeri 2B, Balai Seni Negara** kini **dilanjutkan sehingga 30 Jun 2026**. Sejak mula dibuka pada 21 November 2025, pameran ini telah menerima lebih 8,000 pengunjung yang terdiri daripada penggiat seni, pelajar, penyelidik, serta orang ramai yang berminat untuk mendekati seni seramik kontemporari. Sambutan positif ini mencerminkan minat yang semakin meningkat terhadap medium seramik serta peranan pentingnya dalam perkembangan landskap seni visual negara.

Pameran Asal Tanah menampilkan 83 karya seramik, termasuk karya daripada Koleksi Seni Visual Negara serta karya seniman jemputan. Pameran ini turut melibatkan penghasilan karya daripada seniman yang bernaung di bawah Persatuan Seni Seramik Perak (PERSERA), selain hasil kolaborasi melalui program outreach *After Monsoon Project* yang melibatkan komuniti di Pantai Pulau Kundur, Kelantan.

Melalui himpunan karya ini, pengunjung berpeluang menyaksikan kepelbagaian pendekatan artistik dalam seni seramik, sekali gus memahami hubungan antara bahan, teknik dan ekspresi seni yang berakar daripada unsur tanah sebagai medium asas penciptaan. Pameran ini turut memperlihatkan bagaimana seni seramik berkembang daripada tradisi kepada pendekatan kontemporari yang lebih eksperimental dan reflektif.

Pelanjutan tempoh pameran ini memberi peluang kepada lebih ramai pengunjung untuk menghayati keunikan karya seramik yang dipamerkan, selain memperkukuh usaha Balai Seni Negara dalam memartabatkan seni seramik sebagai cabang penting dalam ekosistem seni visual Malaysia.

Orang ramai dijemput mengunjungi **Pameran Asal Tanah** di **Galeri 2B, Balai Seni Negara**, yang kini berlangsung **sehingga 30 Jun 2026**. Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.